

**UCAPAN ALU-ALUAN**  
**YBHG. DATO' SRI LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR**  
**KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**  
**TAHUN 2016**

**DEWAN BANQUET**  
**ISTANA KEHAKIMAN**

**5 OGOS 2017**

## **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

**Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Seri Md Raus bin Sharif**

Ketua Hakim Negara;

**Yang Amat Arif Tan Sri Zulkefli bin Ahmad Makinudin**

Presiden Mahkamah Rayuan;

**Yang Amat Arif Tan Sri Datuk Wira Ahmad bin Haji Maarop**

Hakim Besar Malaya;

Barisan Pengurusan Tertinggi, Pengarah Mahkamah Negeri dan  
Pengarah Bahagian;

Tuan-tuan, Puan-puan, hadirin dan hadirat warga Pejabat Ketua  
Pendaftar Mahkamah Persekutuan yang saya kasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam  
sejahtera.

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwata'ala kerana dengan limpah izin-Nya, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2016, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) dapat diadakan pada petang ini.

2. Bagi pihak PKPMP, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas kesudian **Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara** menerima jemputan untuk hadir dan menyampaikan amanat serta menyerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada Pegawai dan Kakitangan PKPMP yang cemerlang sepanjang Tahun 2016. Saya juga merakamkan penghargaan kepada **Yang Amat Arif Tan Sri Presiden Mahkamah Rayuan** dan **Yang Amat Arif Tan Sri Hakim Besar Malaya** yang turut sudi hadir ke Majlis pada petang Sabtu ini.

**Yang Amat Arif-Yang Amat Arif, Hadirin yang dihormati sekalian,**

## **PENDAHULUAN**

3. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada kali ini, walaupun dianjurkan dalam keadaan sederhana, tetapi ianya tetap diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada warga PKPMP atas khidmat cemerlang dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sepanjang tahun 2016. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua penerima yang akan menerima anugerah pada hari ini.

4. Sesungguhnya, selaku Ketua Jabatan, saya amat berbangga di atas keupayaan semua pegawai dan kakitangan PKPMP kerana telah menunjukkan tahap prestasi kerja yang tinggi.

**Hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,**

**PENGUMUMAN MENGENAI ANUGERAH KHAS BAGI  
KATEGORI PENGURUSAN CEMERLANG**

5. Sebagaimana setiap tahun, melalui Majlis ini juga, 6 orang warga PKPMP akan dipilih sebagai penerima Anugerah Khas mengikut kategori masing-masing iaitu:-
  - (i) Hakim Sesyen Cemerlang;
  - (ii) Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar Cemerlang;
  - (iii) Majistret Cemerlang;
  - (iv) Penolong Pendaftar Cemerlang;
  - (v) Sokongan I Cemerlang; dan
  - (vi) Sokongan II Cemerlang.

6. Izinkan saya Yang Amat Arif-Yang Amat Arif Tan Sri untuk mengumumkan bahawa mulai Tahun 2018, satu kategori baru iaitu Anugerah Khas Pengurusan Cemerlang akan diwujudkan berdasarkan penilaian prestasi Tahun 2017.
  
7. Ia adalah **Plak Pusingan Ketua Pendaftar** yang akan mengiktiraf Pengarah Mahkamah Negeri atau Pengarah Bahagian terbaik sepanjang tahun, berdasarkan kepada kriteria dan aspek berikut:
  - (a) Kecemerlangan dalam Kepimpinan;
  - (b) Kecemerlangan dalam Pentadbiran; dan
  - (c) Kecemerlangan dalam Pembudayaan Kualiti Kerja, Inovasi serta Kreatif.
  
8. Adalah diharapkan agar anugerah ini dapat menjadi pemangkin semangat kepada Pengarah Mahkamah Negeri dan Pengarah Bahagian untuk sama-sama berusaha dalam memastikan setiap Negeri dan Bahagian masing-masing sentiasa cemerlang dalam pelbagai aspek dan seterusnya menjadikan organisasi bukan sahaja cemerlang tetapi berintegriti dan berkualiti serta sentiasa relevan dengan dasar transformasi negara.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

**KEMAJUAN KERJAYA: LALUAN SECARA PANTAS (FAST TRACK) DAN LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS (SUBJECT MATTER EXPERT, SME)**

9. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini telah diperkenalkan pertama kalinya oleh Kerajaan pada tahun 1993 iaitu 24 tahun yang lalu. Ia merupakan satu manifestasi yang menunjukkan bagaimana pihak Kerajaan tidak pernah melupakan jasa dan sumbangan bakti Penjawat Awam di Malaysia.
10. Usaha-usaha bagi menghargai jasa dan sumbangan bakti Penjawat Awam sentiasa ditambah baik dari masa ke masa. Sebagai contoh baru-baru ini, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan dua pekeliling mengenai Kemajuan Kerjaya Laluan Secara Pantas dan Laluan Pakar Bidang Khusus.
11. Insentif Kemajuan Kerjaya ini diadakan bertujuan untuk mengiktiraf pegawai-pegawai yang berpotensi tinggi iaitu:-

- (a) memiliki daya kepemimpinan yang tinggi;
  - (b) mempunyai keupayaan intelektual dan berpengalaman luas dalam bidang kepakaran tertentu; dan
  - (c) sering menjadi sumber rujukan pelbagai pihak samada organisasi dalaman mahupun luaran.
12. Pegawai-pegawai ini boleh diberi keutamaan untuk mengisi kekosongan jawatan di **gred yang lebih tinggi mendahului pegawai lain di gred yang sama.**
13. Untuk makluman Yang Amat Arif-Yang Amat Arif Tan Sri dan hadirin sekalian, sejak kebelakangan ini, PKPMP turut mempertimbangkan penempatan seseorang Pegawai Kehakiman mengikut bidang kepakaran masing-masing.
14. Bagi melahirkan Pakar Bidang Khusus, PKPMP telah mengambil inisiatif untuk menghantar para Pegawai Kehakiman menghadiri kursus-kursus tertentu terutamanya di luar negara seperti:-

- (i) Prosecuting Environmental Crimes di Bangkok, Thailand;
  - (ii) Symposium on Law, Policy and Climate Change di Manila, Filipina; dan
  - (iii) Cybercrime Workshop di Bangkok, Thailand.
15. Selain dari itu juga, berdasarkan rekod, setakat hari ini seramai 131 orang daripada keseluruhan Pegawai Kehakiman di PKPMP mempunyai Ijazah Sarjana Lanjutan dalam pelbagai bidang perundangan antaranya:-
- (i) *Maritime Law*;
  - (ii) *IT and e-Commerce*;
  - (iii) *Comparative & International Dispute Resolution*;
  - (iv) *International Commercial Law*; dan
  - (v) *Criminology*.
16. Langkah PKPMP menempatkan pegawai-pegawai mengikut bidang sarjana lanjutan yang diperolehi sedang dibuat bagi melahirkan Pakar SME di kalangan Pegawai-Pegawai PKPMP khusus untuk Badan Kehakiman.



**Yang Amat Arif-Yang Amat Arif Tan Sri, Hadirin-hadirat  
warga PKPMP sekalian,**

## **SISTEM PENYAMPAIAN KEADILAN MELALUI PROJEK PENGKOMPUTERAN DI MAHKAMAH**

17. PKPMP sentiasa mendukung aspirasi Badan Kehakiman Malaysia dalam menegakkan prinsip Kedaulatan Undang-Undang (*Rule of Law*) yang berteraskan kepada konsep kebebasan kehakiman (*independence of judiciary*), kesamarataan di sisi undang-undang (*equality before the law*) serta undang-undang yang jelas dan stabil. Sesungguhnya Kedaulatan Undang-Undang adalah teras kepada sistem penyampaian keadilan negara.
18. Sehubungan dengan itu, PKPMP komited untuk memastikan sistem penyampaian keadilan negara berada pada tahap yang boleh dibanggakan. Salah satu indikator yang boleh dijadikan kayu ukur dalam menilai sistem penyampaian keadilan adalah tempoh pelupusan kes yang cepat.
19. Antara langkah penting yang telah diambil oleh PKPMP bagi memastikan kes dilupuskan dalam masa yang singkat

adalah dengan **menjadikan projek pengkomputeran mahkamah sebagai satu agenda transformasi utama sejajar dengan Pelan Strategik PKPMP 2016-2020.**

20. Pada hari ini, Mahkamah telah berada di Fasa Kedua Pelaksanaan Sistem e-Kehakiman yang memperlihatkan bagaimana beberapa penambahbaikan telah diambil berbanding Pelaksanaan Sistem e-Kehakiman Fasa Satu.
21. Dalam masa yang sama juga, pengenalan modul e-Lelong bagi Kes-Kes Lelong Awam Harta Tak Alih di Mahkamah Tinggi Malaya yang dirasmikan Projek Perintisnya oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara sendiri pada 27 Julai 2017 yang lalu, turut memberikan impak dan manfaat yang besar kepada pelanggan Mahkamah.
22. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua ahli Pasukan Projek yang telah menjayakan pembangunan Sistem e-Kehakiman dan modul e-Lelong tersebut.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

## **TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)**

23. Selaku Ketua Jabatan Kerajaan, suka saya mengingatkan warga PKPMP kepada inisiatif Transformasi Nasional 2050 atau TN50. Sebagaimana semua sedia maklum, TN50 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2017 adalah kesinambungan kepada pelaksanaan Wawasan 2020.
24. Ini bertujuan supaya Kerajaan dapat menyediakan hala tuju negara dalam tempoh 30 tahun akan datang. Pendekatan TN50 adalah melalui kaedah 'bottom-up' yang mengumpul input, pandangan serta maklum balas daripada rakyat khususnya golongan belia iaitu Generasi Y dengan objektif untuk membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang memenuhi aspirasi rakyatnya.
25. Pada dasarnya, TN50 dirangka bagi membawa kita ke arah pembangunan negara yang lebih mantap dan mampan menjelang tahun 2050. Oleh yang demikian, selaku penjawat awam kita harus sama-sama berusaha dan memberikan kerjasama kerana transformasi ini melibatkan proses dan gerak kerja jangka panjang untuk membentuk satu negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminda par excellence.

**Yang Amat Arif-Yang Amat Arif Tan Sri, Hadirin-hadirat  
warga PKPMP sekalian,**

**MENDEPANI REVOLUSI INDUSTRI KEEMPAT (*THE  
FOURTH INDUSTRIAL REVOLUTION*)**

26. Kemunculan gelombang teknologi baharu yang dikenali sebagai **The Fourth Industrial Revolution** turut membawa era "*Internet of Things*" yang menyebabkan teknologi robotik dan "*artificial intelligence*" semakin berleluasa.
27. Menurut Profesor Klaus Martin Schwab dalam bukunya bertajuk "*The Fourth Industrial Revolution*" ada menyatakan seperti berikut:

*"The fourth industrial revolution has the potential to robotize humanity, and thus compromise our traditional sources of meaning - work, community, family, identity."*

28. Justeru, adalah dijangkakan bahawa kemunculan **Revolusi Industri Keempat** akan memberi landskap baharu kepada dunia perkhidmatan awam dan dunia perundangan.

29. Penjawat Awam haruslah bersedia dari segi minda dan fizikal bagi mendepani cabaran **Revolusi Industri Keempat** ini. Mudah untuk saya simpulkan bahawa motivasi, inspirasi dan pemikiran gaya kerja secara tradisional adalah tidak lagi relevan.
30. Begitu juga dengan perkembangan dunia perundangan yang semestinya memerlukan perubahan kepada undang-undang yang sedia ada dan ianya haruslah bersifat dinamik, progresif dan responsif serta sedia berubah mengikut perubahan persekitaran.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

## **PENUTUP**

31. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016.
32. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Tan Sri Presiden Mahkamah Rayuan dan Yang Amat Arif Tan Sri Hakim Besar Malaya atas kehadiran pada petang ini.

33. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 yang telah bertungkus lumus menjayakan penganjuran majlis pada hari ini.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**DATO' SRI LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR**

Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan